



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MENGENAI PEMBERIAN BANTUAN KANAK-KANAK (BKK)

PUTRAJAYA, 7 Julai 2026 - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil maklum mengenai isu yang tular di media sosial berhubung pemberian Bantuan Kanak-Kanak (BKK) kepada sebuah keluarga baru-baru ini. Sehubungan itu, JKJ ingin memberikan penjelasan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai syarat kelayakan dan pelaksanaan bantuan tersebut.

Untuk makluman, Bantuan Kanak-Kanak (BKK) merupakan bantuan yang disalurkan bagi memastikan kanak-kanak yang memerlukan dapat terus tinggal bersama keluarga atau penjaga dalam persekitaran yang selamat serta meneruskan kelangsungan hidup mereka. BKK ini diberikan berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan termasuk status kewarganegaraan, umur, pendapatan isi rumah dan hasil siasatan kes yang dijalankan oleh pegawai JKJ.

Berdasarkan semakan yang telah dibuat, wanita yang terlibat merupakan warganegara Malaysia, manakala kesemua enam orang anaknya mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah serta merupakan warganegara Malaysia.

Dalam kes ini, penerima manfaat BKK adalah anak-anak yang layak, bukannya suami kepada wanita berkenaan yang merupakan bukan warganegara. Bantuan tersebut dipertimbangkan berdasarkan kelayakan kanak-kanak, keadaan sosioekonomi keluarga yang memenuhi syarat kelayakan termasuk pendapatan isi rumah yang berada di bawah paras yang ditetapkan serta keperluan untuk memastikan kebajikan dan kepentingan terbaik anak-anak terus terpelihara.

Selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan (Bulanan) JKJ, kadar BKK adalah minimum RM200 sehingga maksimum RM1,000 sebulan berdasarkan bilangan dan umur anak yang layak serta tertakluk kepada syarat serta pertimbangan yang ditetapkan oleh JKJ. Justeru, **JKJ telah meluluskan Bantuan Kanak-Kanak (BKK) berjumlah RM1,000 sebulan bagi keseluruhan enam orang anak yang layak, dan bukannya RM1,000 bagi setiap seorang anak atau kepada ibu berkenaan.**

JKJ ingin menegaskan bahawa setiap permohonan bantuan dinilai secara telus dan profesional berdasarkan siasatan kes, dokumen sokongan, syarat kelayakan serta keadaan sosioekonomi semasa pemohon. Semua bantuan kebajikan yang disalurkan adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa serta tidak dipengaruhi oleh sentimen atau persepsi awam.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan maklumat daripada sumber yang sahih serta tidak membuat kesimpulan atau menyebarkan maklumat yang tidak lengkap sehingga boleh menimbulkan salah faham terhadap pelaksanaan bantuan kebajikan Kerajaan.

JKM akan terus komited memastikan bantuan kebajikan disalurkan secara adil, telus dan berintegriti kepada individu serta keluarga yang benar-benar layak, khususnya dalam memastikan kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak di negara ini sentiasa terpelihara.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
7 JULAI 2026**